

# IBTE meterai MoU bersama empat syarikat



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Disember.** - Sebanyak empat buah syarikat menyertai rangkaian industri Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) selepas Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama IBTE, di sini.

Syarikat-syarikat tersebut terdiri daripada AIFA Sendirian Berhad; Bee Seng Air

**PEMANGKU** Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat (tengah) menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara IBTE dengan Nur Zafirah Engineering Sdn. Bhd.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Conditioning and Engineering Sendirian Berhad; Marsee and Company dan Nur Zafirah Engineering Sendirian Berhad yang akan menyertai program kerjasama, pembangunan dan latihan, yang dijalankan IBTE melalui Perantisan Sistem Dual (Dual System Apprenticeship - DSA).

IBTE diwakili oleh Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkembangan) IBTE, Dayang Munirah 'Atirah binti Dato Paduka Haji Othman dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengetua Satelit IBTE, Awang Norjeme bin Abdullah Jenek.

Menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat.

Dayang Munirah 'Atirah dalam ucapan alu-aluannya berkata, melalui DSA para pelajar akan menjalani latihan di IBTE juga latihan kerja di syarikat yang terlibat.

"Perantisan adalah cara berkesan bagi merapatkan sekolah dan dunia kerja dengan membolehkan para pelatih memperoleh pengalaman kerja, di samping mendapatkan latihan teknikal dan profesional," katanya.

Tambahnya, perantisan juga membangun keyakinan dan kecekapan para pelajar dalam bidang yang mereka pilih.

Majlis diteruskan dengan Penandatanganan Perjanjian Latihan Perantisan (ATA) di antara 42 pelajar IBTE pengambilan bulan Julai 2017 dengan syarikat-syarikat penaja perantisan IBTE.

Daripada jumlah tersebut, seramai 18 pelajar dari program NTEC Apprenticeship in Refrigeration and Air-Conditioning dan 24 pelajar, program NTEC Apprenticeship in Automotive Technician manakala seramai lima pelajar akan menjalani latihan kerja di Nur Zafirah Engineering Sdn. Bhd. dan dua pelajar masing-masing di Bee Seng Air Conditioning and Engineering Sdn. Bhd. dan Marsee and Company.



PEMANGKU Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan MoU tersebut.

## UNISSA anjur AICIF Ke-5



DEKAN Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (dua, kiri) semasa mempengerusikan Sidang Media yang diadakan di Bilik Persidangan Pentadbiran, UNISSA.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Disember.** - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) selaku penganjur utama bersama-sama dengan enam universiti ASEAN lainnya akan mengadakan '5th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance' (AICIF Ke-5) pada 13 dan 14 Disember 2017 ini.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam Sidang Media berkata Persidangan Antarabangsa Tahunan Ke-5 itu dianjurkan bersama dengan universiti negara ASEAN yang antara lain bertujuan untuk membincangkan dan menilai perkembangan perbankan dan kewangan Islam selain memberikan saranan hala tuju dan masa depan kepada pihak perbankan dan kewangan Islam.

Semasa mempengerusikan Sidang Media yang diadakan di Bilik Persidangan Pentadbiran,

UNISSA, di sini, Dr. Abdul Nasir menambah, persidangan selama dua hari itu membawa tema 'Issues, Challenges, and Future Prospect of Islamic Banking and Finance'.

Persidangan akan diisikan dengan pembentangan dua buah kertas ucapatama dan 130 kertas kerja, yang mana meliputi enam sub-tema iaitu, 'Islamic Banking and Capital Market; Compliance and Governance of Islamic Financial Institution' (IFIs); 'Money, Payment System and Financial Innovation'; 'Takaful and Risk Management'; 'Islamic Social Finance dan Human Capital and Education'.

Dianggarkan seramai 250 peserta akan menyertai Persidangan AICIF Ke-5 yang bakal diadakan di Royal Berkshire, Brunei Polo and Riding Club, Jerudong bagi majlis perasmian dan diteruskan di Parkview Hotel, Jerudong.

Pada masa yang sama

penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dengan Trisakti University, Indonesia dan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Jogjakarta, Indonesia serta dari Republik Filipina bersama Mindanao State University akan turut mengambil tempat, di samping penandatanganan MoU di antara FEKIm UNISSA dengan 'Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia' diikuti oleh MoU di antara FEKIm dengan Amanah IIFE.

Di sepanjang persidangan tersebut, petak jualan buku-buku juga akan diadakan, di samping 'Dinner Talk' antara penganjur bersama bagi membincangkan resolusi persidangan dan membincangkan berkaitan dengan penganjur seterusnya.

Persidangan AICIF Ke-5 juga mendapat sokongan dari Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Parkview Hotel selaku penaja.

## Pemegang Kad BIBD menangi cabutan bertuah

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg.Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Disember.** - Para Pemegang Kad Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang membeli tiket penerbangan semasa tawaran di Pesta Pelancongan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) Kiulap dan Panaga, Seria masing-masing memenangi hadiah cabutan bertuah, di sini.

Dayang Rubiah binti Yacub @ Yaakub menerima Grand Prizes ke Paris, manakala Awang Haji Jeludin bin Haji Awang Damit dan Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Ahmad masing-masing menerima hadiah Tiket Destinasi Long Haul (antara Melbourne, Dubai atau London).

Sementara itu, Dayang Masnah binti Ibrahim, Awang Muhammad Hanifah bin Puasa dan Awang Haji Musle bin Haji Tarip masing-masing membawa pulang Tiket Destinasi Short Haul, empat pemegang Kad Kredit Mastercards BIBD juga masing-masing menerima hadiah 500,000; 400,000; 300,000 dan 200,000 hadiah point BIBD.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Retail Perbankan BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar; Ketua Kad dan Pengurus Peniaga BIBD, Dayang Rogayah binti Haji Samsudin dan Ketua Jualan Asia RB, Awang Aji bin Puteh di Bangunan Ibu Pejabat BIBD, di ibu negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen, tawaran dan produk serta perkhidmatan BIBD, sila layari [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn) atau Instagram BIBD : [BIBDBRUNEI](https://www.instagram.com/BIBDBRUNEI) atau berhubung terus ke talian Pusat BIBD melalui talian +673 2238181 atau berkunjung ke Cawangan BIBD berdekatan.



KETUA Retail Perbankan BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar bin Haji Md. Jaafar semasa menyampaikan Grand Prizes ke Paris kepada wakil Dayang Rubiah binti Yacub @ Yaakub.